

Imbangi 'ancaman' India

Pakistan setuju import lebih banyak minyak sawit Malaysia

Oleh Azura Abas
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Pakistan bersetuju membeli lebih banyak minyak sawit dari Malaysia, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, perkara itu dibincangkan dalam mesyuarat dengan Perdana Menteri Pakistan, Imran Khan yang dalam rangka lawatan rasminya, di sini, semalam.


"Kami ada membincangkan mengenai penjualan minyak sawit dan sudah tentu Pakistan bersedia untuk mengimport lebih banyak dari Malaysia," katanya Dr Mahathir pada sidang media bersama

dengan Imran Khan selepas mengadakan mesyuarat dua hala itu.

Imran Khan yang bersetuju dengan Dr Mahathir berkata, Pakistan menyedari bahawa India ada mengancam untuk menyekat import minyak sawit dari Malaysia kerana menyokong isu Kashmir.

"Pakistan akan melakukan yang terbaik untuk mengimbangnya," katanya.

Dilaporkan pada bulan lalu bahawa India mengehadkan import minyak sawit ditapis dan meminta pengimport agar mengelak membeli dari Malaysia selepas kritikan terhadap tindakan India di Kashmir dan undang-undang kewarganegaraan baharu negara itu.



Dr Mahathir dan Imran Khan menyaksikan majlis menandatangani Perjanjian Ekstradisi antara Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Liew Vui Keong dengan Menteri Luar Pakistan, Makhdoom Shah Mahmood Qureshi di Putrajaya, semalam.

(Foto BERNAMA)

Eskport minyak sawit Malaysia ke Pakistan menyumbang kepada 95 peratus daripada import tahunan Pakistan, manakala negara itu mengenakan duti 15 peratus kurang daripada kadar biasa terhadap import minyak sawit mentah dari negara ini.

Ia hasil perjanjian tarif yang ditandatangani pada 2007 oleh kedua-dua negara.

Pada 2018, Pakistan mencatatkan import minyak sawit dari Malaysia berjumlah 1.16 juta tan, ber-

nilai RM2.97 bilion (AS\$730 juta).

Sementara itu, Imran Khan berjanji akan menghadiri Sidang Kemuncak Kuala Lumpur 2019 (Sidang Kemuncak KL) akan datang.

Beliau turut menyuarakan rasa kesal kerana tidak dapat hadir pada persidangan pertama yang dianjurkan pertengahan Disember lalu.

"Ada rakan kami yang sangat rapat dengan Pakistan berasaskan sidang itu akan memecahkan ummah.

"Ia jelas satu tanggapan salah ke-

rana ia bukan tujuan persidangan itu, yang dibuktikan selepas pengangsurannya, ia jelas tidak berlaku.

"Saya berharap untuk menghadiri persidangan itu kerana saya merasakan sangat penting untuk negara Islam mendidik negara Barat atau negara bukan Islam lain mengenai Islam," katanya.

Imran Khan juga menolak tanggapan bahawa ketidakhadirannya pada persidangan itu memberi kesan kepada hubungan Pakistan dengan negara Islam lain.